



### **“Sang Nila Utama” Sekolah Menengah Melayu yang pertama di Singapura**

Sekolah Menengah Melayu “Sang Nila Utama” telah selamat di buka baharu-baharu ini bertempat di off al-Junid Road Singapura.

Dalam masa merasmikan pembukaannya, menteri pelajaran Singapura, Tuan Yung Yung Lian berkata, bahawa sekolah Sang Nila Utama ini ialah sebagai permulaan perkembangan pelajaran Melayu yang bersejarah semenjak Sekolah Rendah Melayu yang pertama didirikan di Teluk Belanga, 130 tahun yang lalu.

Beliau berkata lagi, kerajaan Petir memandang pelajaran Menengah Melayu telah tercicir dan mustahak disegerakan setelah bahasa Melayu diterima menjadi bahasa kebangsaan negara Singapura.

Keterangan gambar atas : Menteri Pelajaran Singapura, Tuan Yung Yup Lian sedang memotong pita dengan diperhati oleh Encik Ismail bin AbdulAzizi, Guru Besar sekolah tersebut.

Kiri, atas: Guru-guru sekolah Sang Nila Utama sedang mendengar menteri pelajaran.

Bawah: Pameran penerbitan Qalam sekolah Sang Nila Utama pada hari perasmian sekolah tersebut sedang disaksikan oleh pelajar-pelajar dan dif-dif yang dihormati.

